

'Saya bantu secara adil'

SH 4/5

Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Johari tidak abai golongan peniaga Titiwangsa

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Usaha membantu komuniti peniaga dilaksanakan secara adil tanpa mengambil kira pegangan politik, berbezaan agama dan bangsa, demi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Perkara itu diterjemahkan calon BN Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, ketika walkabout di Pusat Perniagaan Taman Maluri, Jalan Jejaka, kawasan itu semalam, yang mahu kawasan perniagaan itu diberi perhatian agar memberi akses lebih mudah kepada pengunjung dan peniaga.

Kawasan itu hanya melibatkan 25 peratus di bawah Parlimen Titiwangsa, namun iabukan alasan untuk peniaga-peniaga di situ diabaikan.

Bahkan meskipun gagal mendapat sokongan daripada

pengundi di kawasan itu pada PRU13, Johari mahu terus memastikan bantuan diberikan dapat dimanfaatkan.

Johari berkata, masalah parkir, kebersihan dan pendatang asing tanpa izin menjadi isu yang diberi perhatian di situ, dengan memastikan agensi terlibat melaksanakan tanggungjawab sewajarnya.

"Jika saya bantu mereka (peniaga), perniagaan mereka juga akan dapat dibantu, seterusnya mereka dapat beri peluang pekerjaan kepada masyarakat. Perkembangan perniagaan mereka ini juga menjadi penggerak kepada ekonomi negara.

"Jadi walaupun usaha ini hanya di peringkat kawasan Titiwangsa, pada akhirnya ia akan memberi manfaat kepada rakyat negara ini secara keseluruhannya," katanya.

Johari berkata, kestabilan politik di bawah pemerintahan BN juga menjadi tunjang utamamasib golongan peniagaan dapat berkembang dengan sempurna tanpa sekatkan melibatkan perbezaan bangsa dan sebagainya.

"Kerana itu, masyarakat Cina boleh berniaga dengan

Johari mengunjungi dan mendekati peniaga-peniaga Cina di Pusat Perniagaan Taman Maluri Jalan Jejaka.

aman dan maju walaupun mereka golongan minoriti di negara ini. Begitu juga dengan masyarakat India dan Melayu, bebas menjalankan perniagaan,

"Di Titiwangsa, saya akan pastikan setiap peniaga berniaga dalam suasana yang aman kerana negara ini mempunyai sistem dan undang-undang," katanya.



Johari mengunjungi dan mendekati peniaga-peniaga di Keramat Mall.



Johari sentiasa turun padang